

**BN Sebagai Faktor Penyatuan Kepelbagaian Di Sabah – Zambry
Bernama
30 Julai, 2012**

IPOH, 30 Julai (Bernama) -- Kedudukan Barisan Nasional (BN) di Sabah tidak akan terjejas ekoran tindakan Datuk Wilfred Bumburing keluar parti dan peletakan jawatan Datuk Seri Lajim Ukin, sebaliknya BN akan terus dianggap faktor penyatuan kepada kepelbagaian kaum di negeri itu.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata politik di Sabah memberi pengalaman kepada semua pihak dan BN sentiasa diterima baik oleh rakyat di sana.

"Pengalaman politik di Sabah khususnya dalam konteks pembangunan yang diperlukan negeri itu, saya yakin ia tidak akan menjejaskan BN di sana. Ini kerana rakyat Sabah lebih memikirkan politik yang lebih besar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Air Perak di sini Isnin.

Beliau diminta mengulas tindakan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Lajim Ukin yang melepaskan semua jawatan politiknya termasuk anggota Majlis Tertinggi Umno, Pengerusi BN Beaufort dan Ketua Umno Bahagian Beaufort.

Timbalan Presiden UPKO yang juga anggota Parlimen Tuaran, Datuk Seri Wilfred Bumburing pula mengisytiharkan keluar dari BN.

Zambry berharap segala masalah yang dihadapi ekoran tindakan kedua-dua pemimpin itu dapat diselesaikan dalam semangat keluarga BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684181>

